

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

NST MIS 9 NATION 25/2/2025 (SELASA)
INTERNATIONAL BRAND

COSMETIC SELLERS KEEP LICENCES AFTER APPEAL

Their ads misled buyers into believing their peeling solution and sunscreen were consumable

ALIZA SHAH
KUALA LUMPUR
alizashah@nst.com.my

DISTRIBUTORS of an international cosmetic brand, recently involved in a controversy over misleading advertisements, can breathe a sigh of relief after authorities granted their appeal, allowing them to continue selling the products.

However, they have been warned that if they repeat the mistake, their 'licence' to sell the products will be revoked.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad told the *New Straits Times* that the two distributors responsible for importing and selling the China-manufactured products here, submitted an appeal letter on Feb 10.

The move followed a warning letter from the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA), which proposed revoking the notification of their products — a licence to sell them locally.

Authorities found that their advertisements misled buyers into believing that their peeling solution and sunscreen were consumable.

The warning letter, issued on Jan 31, gave the notification holders 14 days to respond, failing which their right to sell the products would be revoked.

However, checks indicated that

all advertisements were removed before the Feb 14 deadline, said Dzulkefly.

He said the distributors claimed that the TikTok advertisements and posts were created by their brand ambassadors and were beyond their control.

"After a further review of the safety risks involved, NPRA is satisfied with the corrective actions taken and has no objection to the appeals from the cosmetic notification holders to retain the notification for these products.

"However, a warning has been issued to both cosmetic notification holders, advising them not to repeat the mistake.

"NPRA will cancel the notifications without notice if the mistake is repeated," he said.

NST reached out to both distributors.

However, only one responded to the inquiry.

The distributor, in an email response, said that the relevant videos had been taken down and that it had reached out to the ministry on the matter.

The NST previously reported that the ministry had flagged a popular cosmetics brand for its misleading online ad-

vertisements.

While it cannot be established if the accounts showcasing both advertisements are official, checks on the brand's verified TikTok account (indicated by the blue tick) confirmed that both hosts are affiliated with the brand.

Dzulkefly said NPRA would monitor the brand's social media pages and websites to ensure no further violations occur.

"Monitoring of cosmetic advertisements will be conducted to safeguard the quality of notified cosmetics and protect consumer safety," he added.



Datuk Seri Dr
Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S18 NASIONAL 25/2/2025 (SELASA)
Kontroversi iklan mengelirukan kosmetik buatan China

Dua pengedar tempatan diberikan amaran tegas

NPRA puas hati tindakan pembetulan, benarkan produk dijual semula

Oleh Aliza Shah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengedar tempatan bagi jenama kosmetik antarabangsa yang terbabit dalam kontroversi iklan mengelirukan baru-baru ini, boleh menarik nafas lega selepas pihak berkuasa menerima rayuan mereka dan membenarkan produk itu dijual semula.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata dua pengedar itu diberi amaran dan sekiranya kesilapan

diulang, 'lesen' penjualan produk itu akan ditarik balik.

Katanya, kedua-dua pengedar yang mengimport dan menjual produk buatan China itu mengemuka surat rayuan pada 10 Februari lalu.

Beliau berkata, langkah itu diambil susulan surat amaran dikeluarkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) yang mencadangkan pembatalan notifikasi produk mereka, iaitu lesen untuk menjual produk terbabit di pasaran tempatan.

Ia susulan iklan mengelirukan pembeli untuk mempercayai larutan pengelupasan kulit berwarna merah dan krim pelindung mata-hari jenama itu boleh dimakan.

"Surat amaran dikeluarkan 31 Januari lalu memberi tempoh 14 hari kepada pemegang noti-

fikasi untuk menyatakan maklum balas. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan hak mereka untuk menjual produk terbabit di pasaran dibatalkan," katanya semalam.

NPRA terus pemantauan

Dr Dzulkefly berkata, semakan mendapati iklan terbabit sudah ditarik balik sebelum tarikh akhir 14 Februari dan pengedar juga mendakwa iklan serta hantaran di TikTok itu dibuat duta mereka dan di luar kawalan mereka.

"Selepas semakan lanjut dan mengambil kira risiko keselamatan, NPRA berpuas hati dengan tindakan pembetulan diambil dan tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap rayuan pemegang notifikasi kosmetik untuk mengekalkan notifikasi bagi

produk ini.

"Satu amaran sudah dikeluarkan kepada kedua-dua pemegang notifikasi kosmetik, menasihati mereka tidak mengulangi kesilapan. NPRA tidak akan teragak-agak membatalkan notifikasi tanpa sebarang notis, sekiranya kesilapan sama diulang," katanya.

NST menghubungi kedua-dua pengedar, namun hanya satu memberi maklum balas melalui e-mel, mengesahkan video berkaitan sudah ditarik balik dan mereka menghubungi kementerian mengenai perkara terbabit.

Dr Dzulkefly berkata, NPRA akan terus memantau halaman media sosial jenama terbabit serta laman web berkaitan bagi memastikan tiada lagi pelanggaran.

"Pemantauan berterusan terhadap iklan kosmetik juga akan dijalankan untuk menjaga kualiti kosmetik yang dinotifikasi dan melindungi keselamatan pengguna," katanya.



Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO MIS20 LOKAL 25/2/2025 (SELASA)

KONTROVERSI IKLAN MENGELIRUKAN**Pengedar tempatan diizin jual produk**

Kuala Lumpur: Pengedar tempatan bagi satu jenama kosmetik antarabangsa yang terpalit kontroversi berhubung iklan mengelirukan, baru-baru ini boleh menarik nafas lega selepas pihak berkuasa kesihatan menerima rayuan seterusnya membenarkan jualan produk berkenaan.

Bagaimanapun, pihak berkuasa memberi amaran lesen menjual produk itu akan dibatalkan jika kesalahan sama berulang.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*gambar*) memberitahu New Straits Times (NST), dua pengedar yang bertanggungjawab mengimport dan menjual produk keluaran China di negara ini, mengemukakan surat rayuan pada 10 Februari lalu.

Langkah itu diambil susulan surat amaran yang

dikeluarkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) yang mencadangkan pembatalan notifikasi produk mereka, lesen untuk menjualnya di pasaran tempatan susulan penemuan iklan mengelirukan pembeli yang menyatakan produk pengelupasan dan pelindung matahari mereka boleh dimakan.

Surat amaran yang dikeluarkan pada 31 Januari lalu memberi tempoh 14 hari kepada pemegang notifikasi produk untuk memberi maklum balas, dan jika gagal, hak menjual produk di pasaran terbatal.

Namun, Dzulkefly berkata, pemeriksaan selanjut-

nya mendapati bahawa semua iklan telah dipadam sebelum tarikh akhir 14 Februari.

Beliau berkata, pengedar berkenaan turut mendakwa bahawa iklan dan hand-taran di TikTok dibuat oleh duta mereka dan ia di luar kawalan mereka.

"Setelah semakan lanjut dan mengambil kira risiko keselamatan yang terlibat, NPRA berpuas hati dengan tindakan pembedahan yang diambil dan tiada bantahan terhadap rayuan pemegang pemberitahuan kosmetik untuk mengekalkan notifikasi produk ini.

"Namun, satu amaran telah dikeluarkan kepada kedua-dua pemegang notifi-

kasi kosmetik, menasihati mereka supaya tidak mengulangi kesalahan tersebut pada masa hadapan.

"NPRA tidak akan teragak-agak untuk membatalkan pemberitahuan tanpa sebarang notis jika kesalahan yang sama diulang," katanya.

NST menghubungi kedua-dua pengedar, namun hanya satu syarikat yang memberikan respons dengan berkata, video berkaitan perkara itu sudah dipadam dan mereka sudah menghubungi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sebelum ini, NST melaporkan bahawa KKM menegur jenama kosmetik po-

pular berikutan siri iklan-nya di dalam talian yang mengelirukan.

Walaupun tidak dapat dipastikan sama ada akaun yang memaparkan kedua-dua iklan adalah akaun rasmi, pemeriksaan pada akaun TikTok jenama yang disahkan mengesahkan bahawa kedua-dua hos itu berafiliasi

dengan jenama berkenaan.

Dzulkefly berkata, NPRA akan terus memantau halaman media sosial jenama berkenaan serta laman web berkaitan untuk memastikan tiada pelanggaran berlaku pada masa hadapan.

"Pemantauan berterusan terhadap iklan kosmetik juga akan dilaksanakan untuk memastikan kualiti kosmetik yang dinotifikasi dan melindungi keselamatan pengguna," katanya.



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S12 NATION 25/2/2025 (SELASA)

Plan for shorter housemanship gets finishing touches

PETALING JAYA: The Health Ministry is in the midst of finalising a proposal to revert the housemanship training period to one year.

Its director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan (pic) said that house officers' training was upped to two years in 2008 due to an increase in medical graduates at that time.

However, in line with current developments including the number of specialists and specialist hospitals as well as improvements made to the training process, the ministry is now studying the proposal to reduce the housemanship to one year.

This confirms a report in *The Star* on Feb 21 that the Medical Advisory and Action Council had proposed to the Health Ministry to reduce the housemanship peri-

od to one year.

"Based on the overall evaluation of the existing training system and latest development in Malaysia's healthcare services, the one-year training is expected to be more efficient but on condition that the quality of training is improved.

"The proposal is also in line with the practice in other countries," said Dr Muhammad Radzi in a statement yesterday.

He said the ministry had engaged various stakeholders including the Malaysian Medical Council, Academy of Medicine Malaysia, higher education institutions and experts on the matter.

This proposal, he said, intends to address issues such as the high



workload and the lack of recognition for house officers.

"The main focus is to increase their clinical exposure and to motivate them.

"If this proposal is implemented, in the first year of training as house officers, they

will be posted to the surgery, general medicine and obstetrics and gynaecology departments."

In the second year of training, these doctors will serve as junior medical officers. They would then carry out rotations at the orthopaedics, paediatrics and emergency medicine departments.

The training for anaesthesiology, psychiatric and family medicine would be integrated into the training process at the relevant

departments to ensure efficiency.

"The ministry will ensure that house officers achieve the necessary level of competency before transitioning to their role as junior medical officers.

"Therefore, supervisors at training centres will play a role in training, monitoring and evaluating their performance," he said.

"If their performance is unsatisfactory, the training period would be extended to ensure their quality and competency."

Dr Muhammad Radzi said the proposal to reduce the housemanship period was not made to overcome the shortage of manpower but was instead aimed at increasing productivity through efficiency.

The ministry would share further details once there is a development in the matter, he said.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN MISLO NASIONAL 25/2/2025 (SELASA)

Penjual gummy masih ingkar

Gula-gula kenyal didapati masih banyak dijual di platform e-dagang

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA

Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengarahkan dua platform jualan dalam talian untuk menurunkan iklan penjualan gula-gula kenyal, tinjauan mendapati produk tersebut masih boleh didapati di beberapa platform e-dagang tempatan.

Tinjauan di platform pertama dan kedua dengan menggunakan kata carian *eyeball gummies*, *soft candy* dan *eye candy* serta gula-gula mata memberikan

ratusan hasil pencarian gula-gula itu.

Sama ada dijual oleh penjual tempatan mahupun luar negara, ia boleh didapati pada harga serendah 55 sen sebiji dengan pelbagai jenis dan bentuk.

Bagaimanapun, di platform ketiga, penyediannya dilihat mengambil tindakan drastik dengan menurunkan gula-gula kenyal berbentuk bebola mata.

Namun, dengan menggunakan kata carian sama, ia membawa kepada gula-gula kenyal pelbagai bentuk masih dijual tanpa sekatan yang pasti menarik perhatian terutamanya kanak-kanak.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan bahawa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM telah mengeluarkan arahan kepada penyedia perkhidmatan e-dagang berkenaan untuk menurunkan iklan penjualan gula-gula kenyal tersebut.

Berdasarkan *profiling*, KKM mengenal pasti 86 pautan iklan di dua platform itu yang mengiklankan produk berkenaan.



Gula-gula kenyal berbentuk bebola mata masih boleh didapati di platform e-dagang pada Isnin walaupun KKM telah mengarahkan untuk menghentikan penjualannya.

Sementara itu di **TERENGGANU**, Jabatan Kesihatan negeri telah merampas sejumlah gummy berbentuk bebola mata yang dianggar bernilai RM1,300 di premis jualan dan borong di tiga daerah setakat ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanser Peringkat Negeri Terengganu pada Isnin, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk

Dr Kasemani Embong memaklumkan, rampasan di Kuala Nerus, Marang dan Kuala Terengganu itu dilakukan berikutan kesalahan melanggar syarat pelabelan yang ditetapkan.

"Pasukan penguat kuasa Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan melakukan pemeriksaan ke atas premis jualan dan borong di daerah itu dan menyita produk terbabit," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 12 NASIONAL 25/2/2025 (SELASA)

JKPK Kesihatan cadang kekal waktu kerja 42 jam seminggu

SHAH ALAM - Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen mencadangkan agar Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA) mengekalkan waktu bekerja 42 jam seminggu seperti pelaksanaan sebelum ini. *

Ahlinya, Young Syefura Othman berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan beban tugas yang ditanggung kakitangan kesihatan, sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

"Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, fokus perlu diberikan kepada penambahan bilangan kakitangan kesihatan dengan segera.

"Perbandingan dengan penanda aras antarabangsa menunjukkan bahawa waktu bekerja sektor kesihatan yang dicadang-

kan adalah tidak wajar," katanya menerusi Facebook pada Isnin.

Sebelum ini, KKM dilaporkan memutuskan untuk menambah waktu kerja jururawat dari 42 jam kepada 45 jam seminggu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Sinar Ahad melaporkan tekanan kerja berlebihan dan keletihan emosi melampau antara punca utama jururawat terutama yang berkhidmat di



YOUNG SYEFURA

hospital kerajaan mengambil keputusan bersara awal berbanding meneruskan kerjaya hingga usia pencen 60 tahun.

Dalam pada itu Young Syefura berkata, JKPK Kesihatan telah menjalankan tiga sesi libat urus bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA),

Persatuan Jururawat Malaysia (MNA) dan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) pada 6, 13 serta 20 Februari tahun ini bagi membincangkan isu beban kerja melibatkan kakitangan KKM.

Menurutnya, berdasarkan kenyataan di media oleh Delegasi Jururawat Malaysia (DJM), 95.5 peratus daripada 28,373 responden tidak bersetuju dengan cadangan penambahan waktu kerja berkenaan.

"Kakitangan KKM yang bekerja dalam sistem tiga syif menghadapi cabaran unik antaranya hanya mendapat satu hari cuti seminggu, tiada elaun kerja malam, tiada waktu rehat khusus dan tiada hari cuti tetap.

"Tambahan tiga jam seminggu berpotensi meningkatkan tekanan kerja, keletihan fizikal dan mental, serta risiko kecuai dalam tugas," ujarnya.



Laporan Sinar Ahad.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 6 D/NEGERI 25/2/2025 (SEKSA)

Kekalkan waktu kerja 42 jam seminggu

Oleh ASLINDA NASIR
dan AIMAN ALI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan mahu Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengekalkan waktu bekerja kakitangan kesihatan pada 42 jam seminggu seperti yang telah dilaksanakan selama ini.

Pengerusinya, Suhaizan Kaiat berkata, pihaknya bersetuju pandangan pelbagai pihak berkepentingan bahawa pada masa ini, beban kerja kakitangan KKM adalah tinggi selain perlu segera menambah bilangan kakitangan kesihatan sebagai penyelesaian jangka panjang.

“Perbandingan dengan penanda aras antarabangsa menunjukkan waktu bekerja sektor kesihatan yang dicadangkan adalah tidak wajar.

“Negara-negara maju seperti United Kingdom menetapkan 40 jam seminggu, Jepun 40 jam seminggu dan Australia 38 jam seminggu.

“Memandangkan Malaysia masih menghadapi isu kekurangan kakitangan kesihatan yang menyebabkan beban tugas lebih tinggi berbanding negara-negara tersebut, adalah tidak munasabah untuk menambah waktu bekerja melebihi penanda aras antarabangsa,”

“Tambahan waktu ini juga bermakna kehilangan 12 jam sebulan, sekali gus menjejaskan keseimbangan kerja dan kehidupan kakitangan kesihatan.”

katanya dalam sidang akhbar di Parlimen di sini, semalam.

Terdahulu, Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan telah menjalankan tiga sesi libat urus bersama Persatuan Doktor Malaysia, Persatuan Jururawat dan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) baru-baru ini bagi membincangkan beban kerja dalam kalangan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 95.5 peratus daripada 28,373 jururawat tidak bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan penambahan waktu kerja daripada 42 jam kepada 45 jam seminggu.

Mengulas lanjut, Suhaizan berkata, kakitangan KKM yang

bekerja dalam sistem tiga syif menghadapi cabaran unik, antaranya hanya mendapat satu hari cuti seminggu, tiada elaun kerja malam, tiada waktu rehat khusus dan tiada hari cuti tetap.

Jelasnya, tambahan tiga jam seminggu berpotensi meningkatkan tekanan kerja, keletihan fizikal dan mental, serta risiko kecuaiian dalam tugas.

“Pada masa sama, ia mengurangkan masa bersama keluarga dan meningkatkan risiko kemalangan semasa perjalanan ke tempat kerja.

“Tambahan waktu ini juga bermakna kehilangan 12 jam sebulan, sekali gus menjejaskan keseimbangan kerja dan kehidupan kakitangan kesihatan,” katanya.

Tambahnya, kekurangan doktor, pakar, jururawat dan penolong pegawai perubatan menambahkan beban tugas sedia ada.

“Sekiranya waktu kerja ditambah tanpa penyelesaian terhadap isu ini, lebih ramai tenaga kerja kesihatan dijangka berhijrah ke sektor swasta dan luar negara.

“Keadaan kerja yang semakin mencabar tanpa insentif setimpal boleh mengurangkan minat pelajar untuk menyertai bidang perubatan, seterusnya menyebabkan kekurangan tenaga profesional pada masa hadapan,” katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS

THE STAR M/S5 NEWS 25/2/2025 (SELASA) JOHOR

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

FOOD and beverage (F&B) outlets operators say fewer patrons are smoking within their premises, but there is a noticeable increase in youths puffing away on e-cigarettes or vapes.

Johor Indian Muslim Entrepreneurs Association secretary-general Hussein Ibrahim said the use of e-cigarettes could cause discomfort to other patrons.

"E-cigarette smokers usually exhale vapour-like aerosol.

"Vape liquids also come in various flavours, so the smell can be quite strong which causes those around the smokers to feel uncomfortable.

"Our members have noticed youths vaping openly at our premises. I have seen this at my own restaurant too," he said.

"There was an instance where I tried to advise a student to stop vaping in the restaurant but he brushed me off and continued."

Hussein said restaurant operators previously faced similar issues with cigarette smokers who insisted on smoking inside the eateries despite the government ban.

"Our workers have been scolded and even slapped by patrons who were asked to stop smoking inside the premises.

"On one hand we cannot be rude to our customers while on the other, we do not want to violate the law by allowing them to smoke in our shops," he said.

Hussein said the situation with cigarette smokers had improved a lot since Health Ministry encouraged the public to take photographs of smokers violating the law by puffing away in eateries.

"However, there are still some stubborn customers who will sneak a few puffs of cigarettes while sitting at tables outside," he said.

He added that the government

Vaping youth vexing Johor eatery owners

Outlet operators welcome Health Ministry enforcement for comfort of all patrons



F&B outlet operators in Johor say more youths are seen vaping openly in their premises. — THOMAS YONG/The Star

should also take stern action against patrons who vape in eateries.

Similarly, Johor Baru Coffee-shops, Restaurants and Bar Operators Association chairman Wee Liang Fatt said he had noticed an increase in vape users among younger patrons.

Wee is also hoping for stronger enforcement against the use of vape within F&B premises

similar to efforts made to deter cigarette smokers.

"Education is vital in driving home the message about the dangers of vaping and why it should be banned.

"Besides vaping at eateries, we also hear that many young people are using e-cigarettes in schools as the device is small and easy to hide," he said.

Last October, Health Minister

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad suggested that individuals take photographs of people smoking in eateries and report them to his ministry.

This is to avoid confrontations, the minister reportedly said, adding that the ministry was actively enforcing Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 (Act 852) against smokers who flout regulations.